




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERLIS

SIRI 3






LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERLIS

SIRI 3


**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN KERJA RAYA Penyenggaraan Jalan Negeri	3
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR Projek Pembinaan Pasar Arau	27
PENUTUP	39



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN


1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (Pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perlis.

2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2012 Siri 3 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak satu aktiviti dan satu pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perlis Tahun 2012 Siri 2. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3 ini pula melaporkan sebanyak 2 aktiviti iaitu Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri serta Pengurusan Projek Pembinaan Pasar Arau. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 9 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.




(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

26 September 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN KERJA RAYA

- Penyelenggaraan Jalan Negeri

1.1. Jalan negeri bermaksud mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Kerja penyelenggaraan jalan terdiri daripada penyelenggaraan biasa dan penyelenggaraan berkala. Penyelenggaraan biasa melibatkan kerja menampal dan membaiki kerosakan jalan, mengecat garisan, menyenggara papan tanda, membersihkan rizab jalan serta kerja kecemasan seperti kerosakan jalan akibat tanah runtuh dan banjir. Manakala penyelenggaraan berkala melibatkan kerja yang dirancang seperti menurap dan membaiki pulih permukaan jalan, bahu jalan, membaiki pembentung, benteng dan cerun.

1.2. Kerajaan Negeri menerima pemberian penyelenggaraan jalan daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian tahunan ini diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalanraya yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Seksyen 9(1)(b), Akta Acara Kewangan 1957. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 3 April 2013 bagi penubuhan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalanraya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957. Usul berkaitan pemindahan seksyen tersebut akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan akan bersidang pada bulan Disember 2013. Jumlah pemberian berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dihitung dengan mendarabkan kos purata menyenggarakan sebatu jalan Negeri mengikut standard minimum yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara dengan sekian panjang perbatuan jalan-jalan Negeri yang ada pada 31 Disember dalam tahun kewangan yang terdahulu.

1.3. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM63.26 juta geran penyelenggaraan jalan negeri telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kos penyelenggaraan jalan raya Negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR) dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK). Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM24.81 juta kepada JKR dan sejumlah RM22.41 juta telah dibelanjakan. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah RM3.11 juta masih belum dibelanjakan oleh JKR. JKR bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau penyelenggaraan jalan negeri bagi memastikan jalan yang dibina berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Kerja penyelenggaraan dilaksanakan sendiri oleh JKR atau kontraktor yang dilantik.

1.4. Mengikut rekod Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS), rangkaian jalan negeri yang disenggara oleh JKR pada 31 Disember 2012 adalah sepanjang 1,024.13 kilometer (km), terdiri daripada jalan raya negeri, jalan kawasan perumahan murah dan jalan kampung.

1.5. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati penyenggaraan jalan negeri tidak dilaksanakan dengan memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan adalah rendah.
- Penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan.
- Tahap penyenggaraan biasa kurang memuaskan.
- Penyenggaraan jalan tidak mematuhi spesifikasi kerja.
- Kualiti penyenggaraan jalan tidak memuaskan.
- Perbelanjaan tidak mengikut arahan amanah.

1.6. Bagi memastikan penyenggaraan jalan negeri dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, berikut adalah syor Audit untuk tindakan Perbendaharaan Negeri Perlis dan Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis:

1.6.1. Menyalurkan jumlah peruntukan penyenggaraan yang lebih besar kepada JKR setiap tahun.

1.6.2. Memastikan penyenggaraan jalan dapat dilaksanakan dengan lebih meluas dan berkesan. Pihak JKR menyediakan perancangan penyenggaraan yang rapi dan membelanjakan kesemua peruntukan yang diberi dengan cekap berdasarkan perancangan yang telah dibuat.

1.6.3. Bertindak segera terhadap penyenggaraan biasa bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna. Unit Rondaan perlu membuat laporan dan direkodkan agar tindakan pembaikan segera dapat diambil.

1.6.4. Menyelenggara Rekod Penyenggaraan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan perancangan penyenggaraan berkala dibuat.

1.6.5. Pemantauan hendaklah dilaksanakan dengan berkesan bagi menjamin kualiti kerja penyenggaraan jalan serta pematuhan kepada spesifikasi kerja.

1.6.6. Perbelanjaan hendaklah berpandukan arahan amanah agar kerja yang dilaksanakan tidak tersasar dari objektif asal peruntukan diberi.

2. MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

- Projek Pembinaan Pasar Arau

2.1. Majlis Perbandaran Kangar (Majlis) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembinaan Pasar Arau bagi menggantikan pasar sedia ada dengan menggunakan peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Projek ini melibatkan kerja membina dan menyiapkan sebuah pasar baru yang mengandungi 2 blok bangunan iaitu pasar basah dan pasar kering, sebuah pencawang elektrik, loji rawatan kumbahan (STP) dan sebuah bilik sejuk beku serta peralatannya yang keseluruhannya berjumlah RM6.14 juta. Tarikh milik tapak bina ialah pada 20 Julai 2011 dan kerja pembinaan perlu disiapkan dalam tempoh 72 minggu iaitu pada 5 Disember 2012.

2.2. Kontraktor didapati tidak dapat menyiapkan kerja pembinaan dalam tempoh masa yang dipersetujui. Tambahan masa telah diberikan selama 121 hari dan tamat pada 7 April 2013 manakala Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja telah dikeluarkan pada 8 April 2013. Sehingga bulan Jun 2013, sejumlah RM4.86 juta telah dibayar kepada Kontraktor dengan kemajuan kerja pada kadar 73% siap.

2.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga bulan Julai 2013 mendapati pada keseluruhannya pembinaan Projek Pasar Arau oleh Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun prestasi pelaksanaan projek oleh kontraktor adalah tidak memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:


- Projek lewat disiapkan.
- Loji rawatan kumbahan (STP) lewat disiapkan.
- Laporan kecacatan/ketidakpatuhan (NCR) belum diperbaiki.
- Tahap keselamatan tidak memuaskan dan kawalan keselamatan di tapak tidak disediakan.

2.4. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan objektif pembinaan Pasar Arau dicapai, adalah disyorkan supaya Majlis dan Perunding mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

2.4.1. Pengurusan dan pemilihan kontraktor hendaklah mengikut Garis Panduan.

2.4.2. Perunding selaku Wakil Pegawai Penguasa perlu meningkatkan pemantauan berkesan bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja dengan mematuhi sepenuhnya spesifikasi yang ditetapkan.

2.4.3. Memastikan kontraktor mematuhi peraturan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN KERJA RAYA

1. PENYENGGARAAN JALAN NEGERI

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Jalan negeri bermaksud mana-mana jalan awam, selain daripada jalan Persekutuan yang diwartakan mengikut Akta Jalan Persekutuan 1959, yang boleh dilalui oleh orang ramai. Kerja penyenggaraan jalan terdiri daripada penyenggaraan biasa dan penyenggaraan berkala. Penyenggaraan biasa melibatkan kerja menampal dan membaiki kerosakan jalan, mengecat garisan, menyenggara papan tanda, membersihkan rizab jalan serta kerja kecemasan seperti kerosakan jalan akibat tanah runtuh dan banjir. Manakala penyenggaraan berkala melibatkan kerja yang dirancang seperti menurap dan membaiki pulih permukaan jalan, bahu jalan, membaiki pembentung, benteng dan cerun.

1.1.2. Kerajaan Negeri menerima pemberian penyenggaraan jalan daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian tahunan ini diakaunkan dalam Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya yang ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Seksyen 9(1)(b), Akta Acara Kewangan 1957. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 3 April 2013 bagi penubuhan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957. Usul berkaitan pemindahan seksyen tersebut akan dibentangkan untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri yang dijadualkan akan bersidang pada bulan Disember 2013. Jumlah pemberian berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dihitung dengan mendarabkan kos purata menyenggarakan sebatu jalan Negeri mengikut standard minimum yang ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan selepas berunding dengan Majlis Kewangan Negara dengan sekian panjang perbatuan jalan-jalan Negeri yang ada pada 31 Disember dalam tahun kewangan yang terdahulu.

1.1.3. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, sejumlah RM63.26 juta geran penyenggaraan jalan negeri telah diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai kos penyenggaraan jalan raya Negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis (JKR) dan Majlis Perbandaran Kangar (MPK). Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM24.81 juta kepada JKR dan sejumlah RM22.41 juta telah dibelanjakan. Sehingga 31 Disember 2012, sejumlah RM3.11 juta masih belum dibelanjakan oleh JKR. JKR bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau penyenggaraan jalan negeri bagi memastikan jalan yang dibina berada dalam keadaan baik dan selamat

digunakan. Kerja penyenggaraan dilaksanakan sendiri oleh JKR atau kontraktor yang dilantik.

1.1.4. Mengikut rekod Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalanraya Malaysia (MARRIS), rangkaian jalan negeri yang disenggara oleh JKR dan MPK pada 31 Disember 2012 adalah sepanjang 1,145.69 kilometer. Jalan sepanjang 1,024.13 kilometer (km) yang disenggara oleh JKR adalah terdiri daripada jalan raya negeri, jalan kawasan perumahan murah dan jalan kampung. Panjang jalan negeri Perlis yang disenggara oleh JKR dan MPK adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1
Jalan Negeri Perlis Yang Disenggara Oleh Jabatan Kerja Raya & MPK

Jenis Jalan	JKR	MPK	Jumlah Panjang Jalan (km)
	Panjang Jalan (km)	Panjang Jalan (km)	
Jalan Raya Negeri	390.95	1.26	392.21
Jalan Kawasan Perumahan Murah	17.00	120.30	137.30
Jalan Kampung	616.18	-	616.18
Jumlah	1,024.13	121.56	1,145.69

Sumber: MARRIS

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada penyenggaraan jalan negeri yang menggunakan peruntukan MARRIS telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mencapai matlamat ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ditumpukan kepada kerja penyenggaraan jalan negeri di bawah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya yang dilaksanakan oleh JKR sahaja bagi tahun 2010 hingga bulan Jun 2013. Sejumlah 10 jalan negeri yang disenggara oleh JKR telah dipilih untuk tujuan pengauditan ini. Justifikasi pemilihan sampel adalah mengikut kesesuaian berdasarkan kadar aliran trafik dan aduan kerosakan jalan yang diterima daripada pengguna. Bagi menilai prestasi program, kaedah yang diguna pakai adalah semakan dan analisis terhadap dokumen dan maklumat berkaitan, lawatan Audit ke tapak/lokasi, temu bual dengan pegawai dari agensi terlibat dan mengedarkan borang soal selidik kepada pengguna. Undang-undang, pekeliling dan garis panduan yang diguna pakai dalam pengauditan ini antara lainnya seperti Perlembagaan Persekutuan, Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya, Buku keluaran JKR: "Senggara Jalan – Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu" dan *A Guide For District Engineers Staff On Pavement Maintenance* serta *A Guide to The Visual Assessment Of Flexible Pavement Surface Condition* serta Arahan Teknik Jalan berkaitan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Jun 2013 mendapati penyenggaraan jalan negeri tidak dilaksanakan dengan memuaskan kerana terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- Prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan adalah rendah.
- Penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan.
- Tahap penyenggaraan biasa kurang memuaskan.
- Penyenggaraan jalan tidak mematuhi spesifikasi kerja.
- Kualiti penyenggaraan jalan tidak memuaskan.
- Perbelanjaan tidak mengikut arahan amanah.

1.4.1. Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya

1.4.1.1. Kos penyenggaraan jalan raya negeri dibiayai melalui Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya yang ditubuhkan mengikut Akta Acara Kewangan 1957. Sumber dana akaun ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, pemberian jalan negeri yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM63.26 juta. Manakala pembayaran melalui akaun ini bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM26.91 juta.

1.4.1.2. Semakan Audit mendapati, perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah rendah dengan purata perbelanjaan sebanyak 42.5% sahaja. Pada tahun 2012, hanya sejumlah RM7.15 juta atau 32.1% sahaja yang dibelanjakan berbanding RM11.33 juta atau 53.3% pada tahun 2011 dan RM8.43 juta atau 42.6% pada tahun 2010. Prestasi perbelanjaan yang rendah ini menyebabkan baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya pada akhir tahun 2012 berjumlah RM79.39 juta iaitu melebihi jumlah tahunan pemberian geran penyenggaraan jalan. Terimaan dan perbelanjaan penyenggaraan jalan raya bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2**Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Perbelanjaan Semasa (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	% Penggunaan
2010	43.04	19.78	8.43	54.39	42.6
2011	54.39	21.24	11.33	64.30	53.3
2012	64.30	22.24	7.15	79.39	32.1
Jumlah		63.26	26.91		42.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

1.4.1.3. Daripada pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM63.26 juta, sejumlah RM24.81 juta atau 39.2% telah disalurkan kepada JKR untuk kerja-kerja penyenggaraan jalan negeri. JKR telah membelanjakan sejumlah RM22.41 juta atau 90.3% daripada jumlah yang diterima. Pada 31 Disember 2012, terimaan yang tidak dibelanjakan oleh JKR berjumlah RM3.11 juta. Setiap peruntukan kewangan yang diterima oleh JKR sepatutnya dibelanjakan sepenuhnya supaya kemudahan infrastruktur yang disediakan disenggara dengan baik. Terimaan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3**Terimaan Dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya JKR Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012**

Tahun	Baki Pada 01 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan Berbanding Baki Terimaan (%)
2010	0.70	10.31	7.93	3.08	72.0
2011	3.08	6.50	9.33	0.25	97.4
2012	0.25	8.00	5.15	3.11	62.4
Jumlah		24.81	22.41		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis

1.4.1.4. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan penyenggaraan jalan negeri oleh JKR adalah baik kerana sejumlah RM22.41 juta atau 90.3% daripada RM24.81 juta peruntukan yang diterima telah dibelanjakan. Namun begitu, JKR tidak dapat membelanjakan kesemua terimaan pada tahun semasa disebabkan peruntukan yang diterima secara berperingkat daripada Kerajaan Negeri terutama yang diterima pada hujung tahun kewangan tidak sempat dibelanjakan. Tarikh peruntukan disalurkan oleh Perbendaharaan Negeri kepada JKR pada tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4
Tarikh Peruntukan Kewangan Disalurkan Oleh Perbendaharaan Negeri Kepada JKR Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Tarikh Peruntukan Disalurkan	Jumlah Peruntukan Diterima (RM Juta)
2010	09.03.2010	1.00
	18.05.2010	1.00
	17.06.2010	3.00
	05.08.2010	2.00
	20.09.2010	1.64
	14.12.2010	1.67
2011	01.03.2011	2.00
	17.07.2011	3.00
	22.12.2011	1.50
2012	10.04.2012	4.00
	29.11.2012	4.00

Sumber: Penyata Terimaan Dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalanraya

Pada pendapat Audit, prestasi penggunaan wang Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalanraya adalah kurang memuaskan kerana perbelanjaan untuk tujuan penyelenggaraan adalah rendah.

1.4.2. Prestasi Penyelenggaraan Jalan Negeri

Kerja penyelenggaraan jalan dibahagikan kepada 3 iaitu Penyelenggaraan Berkala, Penyelenggaraan Biasa dan Penyelenggaraan Kecemasan. Maklumat mengenai jenis penyelenggaraan adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Tiga Jenis Penyelenggaraan Jalan Negeri

Jenis Penyelenggaraan	Keterangan
Berkala	Penyelenggaraan jalan negeri secara berkala memerlukan pemeriksaan dan penilaian ke atas keupayaan struktur <i>pavemen</i> jalan sedia ada dalam menampung unjuran beban trafik bagi menentukan kaedah pembaikan yang sesuai. Kerosakan permukaan jalan biasanya dapat dikaitkan dengan kelemahan struktur <i>pavemen</i> jalan. Contoh penyelenggaraan berkala adalah seperti menguatkan struktur <i>pavemen</i> jalan, membuang permukaan jalan sedia ada dan menggantikan dengan permukaan jalan yang baru (<i>resurfacing</i>) setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian sebagaimana yang digariskan dalam <i>Highway Maintenance Manual</i> serta memotong dan menampal permukaan jalan yang retak sebelum menurap semula jalan sedia ada.
Biasa	Penyelenggaraan jalan negeri secara biasa memerlukan kerja pembaikan ke atas kerosakan yang boleh dijangka dan dikawal dari segi sifatnya dan penentuan masa pembaikan serta tidak membabitkan kelemahan struktur <i>pavemen</i> jalan. Penyelenggaraan ini terbahagi kepada beberapa jenis iaitu penyelenggaraan <i>pavemen</i> , penyelenggaraan bahu jalan, pemotongan rumput, penyelenggaraan perabot jalan, penyelenggaraan pembetung dan jambatan serta penyelenggaraan longkang.


Jenis Penyelenggaraan	Keterangan
Kecemasan	Penyelenggaraan jalan negeri semasa kecemasan melibatkan kerosakan yang tidak dapat dijangkakan atau di luar kawalan tetapi memberi kesulitan atau membahayakan pengguna jalan raya dengan serta merta seperti tanah runtuh, tambak/benteng runtuh, jambatan runtuh, pokok tumbang, pemetung dan struktur parit runtuh, tumpahan bahan kimia atau bahan lain yang berbahaya di jalan raya.

Sumber: Buku Garis Panduan Penyelenggaraan Jalan Tahun 2010

1.4.2.1. Penyelenggaraan Berkala

- a. Mengikut *Highway Maintenance Manual* Penyelenggaraan Berkala perlu dilaksanakan setiap 5 hingga 10 tahun sekali berdasarkan purata trafik harian. Untuk itu, kerja penyelenggaraan jalan hendaklah dirancang pada setiap tahun dengan menentukan jenis penyelenggaraan, lokasi jalan dan kaedah pelaksanaan yang sesuai.
- b. Semakan Audit mendapati JKR tidak menyediakan perancangan penyelenggaraan jalan yang rapi dan menyeluruh meliputi kesemua jalan negeri. Penyelenggaraan dibuat berdasarkan peruntukan yang diterima, aduan awam dan makluman daripada Unit Rondaan Jalan mengenai kerosakan jalan. Ini disebabkan JKR tidak menyelenggara rekod berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dilaksanakan bagi setiap jalan, terutamanya yang berkaitan dengan kerja penurapan semula dan pembaikan kerosakan jalan. Keadaan ini juga berlaku disebabkan peruntukan yang diterima secara berperingkat dan tidak mengikut jumlah yang dimohon menyukarkan perancangan menyeluruh dilaksanakan.
- c. Antara kesan ketiadaan perancangan yang rapi dan menyeluruh adalah penurapan semula Jalan Kampung Sahabat (R154) sepanjang 4.2 kilometer dan Jalan Marhom Kayang (R101) sepanjang 800 meter yang telah siap diturap 10 Julai 2013 yang telah dibuat tanpa justifikasi pemilihan seperti laporan aduan kerosakan, laporan pemeriksaan dan pengukuran tapak atau kajian awal. Keadaan jalan yang telah diturap semula adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Keadaan Jalan Kampung Sahabat
Lengang - R154



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Sahabat (R154)
Tarikh: 12 Mei 2013

Gambar 1.2
Keadaan Jalan Marhom Kayang- R101



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Marhom Kayang (R101)
Tarikh: 12 Jun 2013

- d. Keadaan ini berbeza dengan Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175) yang mempunyai keadaan trafik yang tinggi dan banyak aduan kerosakan. Keadaan Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175) adalah seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**.

Gambar 1.3
Keadaan Jalan Jejawi - Tambun Tulang
Yang Mempunyai Beban Trafik Yang
Tinggi



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175)
Tarikh: 12 Mei 2013

Gambar 1.4
Keadaan Jalan Jejawi - Tambun Tulang
Yang Tidak Mempunyai Guardrail Dan
Membahayakan Pengguna



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175)
Tarikh: 12 Jun 2013


- e. Pemeriksaan Audit pada bulan Mei hingga Jun 2013 terhadap keadaan fizikal permukaan jalan di 9 jalan negeri iaitu Jalan Raja Syed Alwi (R1), Jalan Tambun Tulang (R4), Jalan Pauh (R6), Jalan Sekolah Derma (R8), Jalan Mata Ayer-Beseri (R9), Jalan Dato' Ali (R100), Jalan Padang Melangit-Wang Mu (R121), Jalan Kok Kelang (R128) dan Jalan Jejawi-Dato Kayaman (R133) mendapati berlaku beberapa kerosakan jalan seperti keretakan (*cracking*), ubah bentuk dan kecacatan permukaan (*surface defect*).
- f. Keadaan ini berlaku disebabkan perancangan penyenggaraan berkala tidak disediakan, laporan kerosakan tidak disediakan oleh Unit Rondaan Jalan dan tiada

pemantauan berkesan. Akibatnya jalan-jalan mengalami kerosakan dan boleh membahayakan keselamatan pengguna. Antara kerosakan jalan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

i. Kerosakan Retakan Permukaan

Keretakan (*Cracking*) adalah rekahan sebahagian atau sepenuhnya di permukaan jalan yang boleh terbentuk dalam pelbagai corak. Keretakan akan membenarkan air meresap ke dalam lapisan permukaan jalan dan akan menyebabkan kerosakan jalan. Lawatan Audit ke beberapa jalan yang dipilih mendapati kerosakan seperti Retak Buaya (*Crocodiles Crack*), Retak Memanjang (*Longitudinal-Linear Cracking*), Retak Tepi (*Edge Cracking*) dan Retak Penyambung (*Joint Reflection Cracking*) berlaku seperti di **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.8**.

Gambar 1.5
Kerosakan Jalan Jenis Retak Buaya (*Crocodiles Crack/Fatigue Cracking*)



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175)
Tarikh : 22 April 2013

Gambar 1.6
Kerosakan Jalan Jenis Retak Memanjang (*Longitudinal – Linear Crack*)



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Jejawi – Tambun Tulang (R175)
Tarikh : 22 April 2013

Gambar 1.7
Kerosakan Jalan Jenis Retak Tepi (Edge Crack)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175)
Tarikh : 22 April 2013

Gambar 1.8
Kerosakan Jalan Jenis Retak Penyambung (Joint Reflection Cracking)



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Mata Ayer-Beseri (R9)
Tarikh : 22 April 2013

ii. Kerosakan Oleh Ubah Bentuk Permukaan

Kerosakan jenis ubah bentuk permukaan terjadi apabila terdapat perubahan permukaan daripada binaan asal. Keadaan ini berlaku selepas pembinaan dan disebabkan oleh kesan bebanan lalu lintas, cuaca dan kurang kawalan semasa pembinaan. Kerosakan ubah bentuk boleh mempengaruhi kualiti pemanduan. Kerosakan ini berlaku di Jalan Jejawi–Dato’ Kayaman (R133), Jalan Dato’ Ali (R100) Jalan Padang Melangit-Wang Mu (R121), Jalan Kok Klang (R128) dan Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175) Antara jenis kerosakan Ubah Bentuk Permukaan ialah aluran (*rutting*), pengalunan (*corrugation*), penyodokan (*shoving*) dan gelinciran (*crescent shaped crack/slippage cracking*) seperti di **Gambar 1.9** hingga **Gambar 1.12**.

Gambar 1.9
Kerosakan Jalan Jenis Aluran (*Rutting*)



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Jejawi – Dato' Kayaman (R133)
Tarikh : 18 April 2013

Gambar 1.10
Kerosakan Jalan Jenis Penyodokan (*Shoving*)




Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Padang Melangit Wang Mu (R121)
Tarikh : 12 Jun 2013

Gambar 1.11
Kerosakan Jalan Jenis Penyodokan (*Shoving*)



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Kok Klang (R128) (Lokasi 2)
Tarikh : 12 Jun 2013

Gambar 1.12
Kerosakan Jalan Jenis Gelinciran (*Crescent Shaped Crack/Slippage Cracking*)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi – Tambun Tulang (R175)
Tarikh : 22 April 2013


iii. Kecacatan Permukaan

Kerosakan kecacatan permukaan ini berlaku disebabkan kehilangan bahan lapisan permukaan dan tekstur permukaan. Pada kebiasaannya kecacatan permukaan tidak menunjukkan kekurangan struktur turapan sebaliknya mempengaruhi mutu perkhidmatan dan keselamatan turapan terutamanya rintangan gelincir, pergerakan dan kualiti pemanduan. Antara jenis keretakan yang ditemui semasa lawatan Audit adalah seperti berikut:

- **Pengupasan (*Delamination*)**

Kerosakan ini berlaku di Jalan Jejawi–Tambun Tulang (R175) seperti di **Gambar 1.13**.

Gambar 1.13
Kerosakan Jalan Jenis Pengupasan (*Delamination*)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi – Tambun Tulang (R175)
Tarikh: 22 April 2013

- **Pengikisan (*Raveling/Fretting*)**

Kerosakan ini berlaku di Jalan Jejawi–Tambun Tulang (R175) seperti di **Gambar 1.14**.

Gambar 1.14
Kerosakan Jalan Jenis Pengikisan (*Ravelling/Fretting*)



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Jejawi – Tambun Tulang (R175)
Tarikh : 22 April 2013

- g. **Maklum balas semasa *Exit Conference* pada 11 September 2013, Wakil JKR memaklumkan bahawa Jalan Marhom Kayang diturap semula kerana ia merupakan salah satu jalan ke Kuala Perlis yang sering digunakan oleh pelancong. Jalan Jejawi-Tambun Tulang pula merupakan jalan MADA yang diambil alih oleh JKR di mana struktur jalan tidak mengikut piawaian JKR. Keadaan struktur jalan yang lemah serta bersebelahan dengan parit menyebabkan jalan sering rosak. Perancangan secara menyeluruh tidak dapat dilaksanakan kerana peruntukan yang diterima sering tidak mencukupi dan diterima secara berperingkat.**

Pada pendapat Audit ketiadaan perancangan rapi menyebabkan penyenggaraan berkala tidak dapat dilaksanakan dengan memuaskan.

1.4.2.2. Penyenggaraan Biasa Kurang Memuaskan

- a. Penyenggaraan biasa hendaklah dilaksanakan bagi memastikan permukaan jalan, bahu jalan, keadaan rumput, perabot jalan, pembentung dan jambatan serta longkang sentiasa bersih dan selamat kepada pengguna jalan raya. Lawatan Audit mendapati perkara seperti berikut:

i. Papan Tanda

Papan tanda yang rosak, tertanggal, terlindung, kotor dan pudar akan menjejaskan fungsi papan tanda sebagai panduan kepada pengguna jalan raya untuk memandu dalam keadaan selamat dan selesa. Pemeriksaan Audit mendapati beberapa papan tanda rosak dan terlindung dan satu lokasi tiada papan tanda amaran kenderaan berat keluar masuk seperti di **Gambar 1.15** hingga **Gambar 1.18**.

Gambar 1.15
Keadaan Papan Tanda Yang Rosak Akibat Pokok Tumbang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Raja Syed Saffi (R102)
Tarikh: 17 April 2013

Gambar 1.16
Keadaan Papan Tanda Simpang Tiga Di Hadapan Terlindung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sekolah Derma (R8)
Tarikh: 31 Mei 2013

Gambar 1.17
Keadaan Jalan Di Hadapan Kilang Simen Yang Tiada Amaran Kenderaan Berat Keluar-Masuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Mata Ayer-Beseri (R9)
Tarikh: 25 Jun 2013

Gambar 1.18
Keadaan Jalan Di Hadapan Kilang Simen Yang Sibuk Dengan Kenderaan Berat Keluar-Masuk



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Mata Ayer-Beseri (R9)
Tarikh: 25 Jun 2013

ii. ***Chevron Delineator***


Pemasangan *chevron delineator* bertujuan memberi amaran kepada pemandu bahawa terdapat selekoh di hadapan yang perlu diambil perhatian. *Chevron delineator* yang dibina hendaklah menggunakan *retro-reflective sheeting* yang boleh memantulkan cahaya terutama pada waktu malam dan hendaklah disenggara supaya bersih dan mudah dilihat. Lawatan Audit di Jalan Jejawi–Dato' Kayaman (R133) dan Jalan Dato' Ali (R100) mendapati *chevron delineator* tiada di lokasi sepatutnya seperti **Gambar 1.19** dan **Gambar 1.20**.

Gambar 1.19
Keadaan Jalan Yang Tiada Chevron Delineator Di Selekoh Tajam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Dato' Ali (R100)
Tarikh: 11 Jun 2013

Gambar 1.20
Tiada Papan Tanda Amaran Terowong Yang Sempit dan Tiada Chevron Delineator Di Kiri Dan Kanan Terowong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Dato' Ali (R100)
Tarikh: 11 Jun 2013

iii. Garisan Jalan Tidak Disenggara

Bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya dapat dijaga, garisan jalan hendaklah jelas, terang dan bersih. Garisan jalan meliputi bahagian tengah, kiri dan kanan jalan hendaklah dicat dengan cat putih (*HMT white paint*) dan sentiasa disenggara dengan baik. Kekekapan menyenggara dan mengecat garisan jalan perlu dilakukan mengikut keperluan atau secara berkala. Lawatan Audit di Jalan Raja Syed Alwi (R1) dan Jalan Pauh (R6) mendapati sebahagian garisan jalan telah pudar, garisan jalan lama tidak dipadamkan walaupun garisan baru telah dibuat dan garisan jalan yang mengelirukan seperti di **Gambar 1.21** hingga **Gambar 1.23**. Keadaan ini boleh mengelirukan serta membahayakan pengguna terutamanya pada waktu malam atau hujan.

Gambar 1.21
Keadaan Garisan Jalan Yang Pudar Dan Tidak Jelas




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pauh (R6)
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 1.22



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Raja Syed Alwi (R1)
Tarikh: 26 Jun 2013



Gambar 1.23
Keadaan Garisan Jalan Yang
Mengelirukan Pengguna Jalan Raya

Sumber : Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Jalan Raja Syed Alwi (R1)
 Tarikh : 26 Jun 2013

iv. Parit/Longkang Dan Bahu Jalan Tidak Disenggara

- Kerja-kerja membersihkan longkang termasuk mengalihkan tanah, pecahan batu, rumput dan lain-lain halangan dalam longkang serta pengumpul (*sump*) yang boleh menyekat pengaliran air di longkang jalan. Pembersihan longkang secara rutin boleh membantu mengekalkan kekuatan struktur jalan apabila air dari permukaan dapat disalurkan ke tempat yang sesuai. Lawatan Audit pada bulan April hingga bulan Jun mendapati sebahagian besar longkang yang dibina telah rosak, ditumbuhi semak samun dan tersumbat mengakibatkan aliran air tersekat dan melimpah ke bahu jalan apabila berlaku hujan lebat. Keadaan longkang yang tidak memuaskan seperti di **Gambar 1.24** hingga **Gambar 1.27**.

Gambar 1.24
Keadaan Longkang Tersumbat Dengan
Sampah Sarap



Sumber : JKR Audit Negara
 Lokasi : Jalan Pauh (R6)
 Tarikh : 22 April 2013

Gambar 1.25
Keadaan Penutup Longkang Konkrit
Pecah Dan Longkang Tersumbat Dengan
Sampah Sarap



Sumber : JKR Audit Negara
 Lokasi : Jalan Pauh (R6)
 Tarikh : 22 April 2013

Gambar 1.26
Keadaan Bahu Jalan Yang Di Tumbuhi
Rumput Panjang



Sumber : JKR Audit Negara
Lokasi : Jalan Pauh (R6)
Tarikh : 22 April 2013

Gambar 1.27
Keadaan Longkang Yang Dipenuhi
Tumbuhan Liar



Sumber: JKR Audit Negara
Lokasi: Jalan Mata Ayer-Beseri (R9)
Tarikh: 25 Jun 2013

- Lawatan Audit terhadap beberapa jalan mendapati keadaan beberapa bahu jalan tidak disenggara dengan memuaskan dan boleh mengundang bahaya kepada pengguna seperti di **Gambar 1.28** hingga **Gambar 1.31**.

Gambar 1.28
Keadaan Longkang Dan Kerb Yang Rosak
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Sekolah Derma (R8)
Tarikh: 18 Mei 2013

Gambar 1.29
Keadaan Bahu Jalan Yang Sempit dan
Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Pauh (R6)
Tarikh: 26 Jun 2013

Gambar 1.30
Keadaan Bahu Jalan Yang Curam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Jejawi-Tambun Tulang (R175)
Tarikh: 22 April 2013

Gambar 1.31
Keadaan Tepi Jalan Tempat Air Bertakung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Padang Melangit-WangMu (R121)
Tarikh: 30 Mei 2013

- b. Antara sebab berlaku keadaan demikian kerana kurang pemantauan ketika kerja penyenggaraan jalan dilaksanakan dan kerja penyenggaraan biasa tidak dijalankan secara berjadual. Keadaan tersebut boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna selain ketidakselesaan pemanduan.
- c. **Maklum balas semasa Exit Conference pada 11 September 2013, Wakil JKR memaklumkan tindakan menggantikan papan tanda yang rosak dan mencantas pokok yang menghalang papan tanda telah dilaksanakan. Manakala bagi papan tanda amaran kenderaan berat keluar masuk, ia adalah di bawah tanggungjawab premis yang berkenaan. Bagaimanapun, JKR akan mengambil tindakan dengan menghantar surat kepada premis yang berkenaan agar memasang papan tanda amaran seperti yang dikehendaki. Pemasangan Chevron Delineator tidak dipasang di lokasi sebenar kerana lokasi sebenar berada di laluan masuk ke premis persendirian. Bagaimanapun, tindakan bagi meletakkan perabot jalan yang bersesuaian akan dilaksanakan. Pemasangan Chevron Delineator akan dibuat berdekatan terowong. JKR juga telah melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja membina semula garisan jalan dan sedang mengenal pasti lokasi kerosakan untuk membaiki longkang dan bahu jalan berkenaan.**

Pada pendapat Audit, tahap penyenggaraan biasa yang dijalankan adalah kurang memuaskan.

1.4.2.3. Kualiti Kerja Tidak Mematuhi Spesifikasi

- a. Semua kerja penyenggaraan menurap semula jalan hendaklah mematuhi spesifikasi JKR/SPJ/2008-S4, *Standard Specification for Road Work Pavement* seperti yang dinyatakan dalam arahan sebut harga. Ketinggian jalan hendaklah tidak melebihi 10mm dari aras bahu jalan. Pemeriksaan Audit di lokasi kerja penurapan Jalan Kampung Sahabat Off Jalan Kampung Aman dan Jalan Marhom Kayang pada 11

Jun 2013 mendapati jalan berketiangan antara 100mm hingga 170mm dari aras bahu jalan. Ia disebabkan penurapan dilakukan ke atas jalan sedia ada tanpa membuat kerja-kerja pengikisan. Selain itu, jalan tersebut juga belum dilengkapi dengan garisan tepi jalan. Keadaan ini boleh membahayakan pengguna terutama kepada penunggang motosikal dan basikal. Berdasarkan Buku Panduan JKR, "Senggara Jalan – Apa Yang Anda Tidak Perlu Tahu", masalah ini boleh diatasi dengan meninggikan aras bahu jalan. Keadaan permukaan jalan yang tinggi dari bahu jalan adalah seperti di **Gambar 1.32** dan **Gambar 1.33**.

Gambar 1.32

**Keadaan Jalan Kg. Sahabat - R154
Yang Lebih Tinggi D daripada Bahu Jalan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Sahabat (R154)
Tarikh: 12 April 2013

Gambar 1.33



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Kampung Sahabat (R154)
Tarikh: 12 April 2013

- b. **Maklum balas semasa Exit Conference pada 11 September 2013, Wakil JKR memaklumkan semasa lawatan Audit, jalan tersebut baru disiapkan dan tindakan menaikkan bahu jalan tersebut telah dilaksanakan.**

Pada pendapat Audit tindakan menurap jalan terlalu tinggi daripada bahu jalan boleh mengundang bahaya kepada pengguna.

1.4.2.4. Kualiti Penyenggaraan Jalan Tidak Memuaskan

- a. Penyenggaraan jalan hendaklah dilaksanakan berdasarkan spesifikasi kerja yang ditetapkan bagi menjamin kualiti kerja yang memuaskan agar keselamatan dan keselesaan pengguna dapat diutamakan. Lawatan Audit terhadap jalan yang disenggara pada tahun 2013 melibatkan Jalan Kok Kelang (R128), Jalan Lencongan Barat-Timah Tasoh (R144), Jalan Kubang Perun (R124), Jalan Kampung Sahabat (R154), Jalan Kampung Wai (R105) dan Jalan Marhom Kayang (R101) pada bulan Mei dan Jun 2013 mendapati 3 daripada 6 jalan tersebut mengalami kecacatan/kerosakan di permukaan jalan seperti keretakan jenis gelinciran (*Crescent Shaped Crack/Slippage Cracking*), kerosakan jenis lekukan (*Rutting Dan Corrugation*). Jalan tersebut didapati mengalami kerosakan walaupun kerja penyenggaraan baru siap dilaksanakan. Butiran jalan yang dibuat pemeriksaan fizikal

adalah seperti di **Jadual 1.6** manakala keadaan jalan yang dilawati adalah seperti **Gambar 1.34** dan **Gambar 1.35**.

Jadual 1.6

Senarai Jalan Yang Dibuat Lawatan Audit Bagi Penyenggaraan Jalan Tahun 2013

Bil.	Butiran Sebut Harga / Lokasi Penyenggaraan	Tarikh Siap Kerja	Tarikh Pemeriksaan Fizikal Audit	Tarikh Bayaran
1.	JKR.Ps.Q.SH.(JLN) S151/2012 – (RM0.30 juta)			
	Jalan Kok Kelang – R128	19.03.2013	12.06.2013	03.04.2013
	Jalan Kubang Perun – R124	19.03.2013	25.06.2013	03.04.2013
	Jalan Lencongan Barat-Timah Tasoh – R144	19.03.2012	25.06.2013	03.04.2013
2.	JKR.Ps.Q.SH.(JLN) S152/2012 (RM0.49 juta)			
	Jalan Kg. Wai, Kuala Perlis – R105	05.02.2013	26.06.2013	08.02.2013
	Jalan Lencongan Barat - Timah Tasoh – R144	05.02.2013	25.06.2013	08.02.2012

Sumber: JKR Kerja Raya Negeri Perlis

Gambar 1.34
Keadaan Jalan Yang Mengalami
Keretakan Jenis Gelinciran (*Crescent*
***Shaped Crack/Slippage Cracking*)**



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Kok Kelang (R128)
Tarikh : 12 Jun 2013

Gambar 1.35
Keadaan Kerosakan Jalan Yang
Beralun (*Rutting Dan Corrugation*)



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Jalan Lencongan Barat – Timah
Tasoh (R144)
Tarikh : 25 Jun 2013

- b. Keadaan ini berlaku disebabkan kualiti kerja yang kurang memuaskan dan pemantauan kurang berkesan oleh JKR semasa kerja-kerja penurapan jalan dilaksanakan oleh kontraktor mengakibatkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan.
- c. **Maklum balas semasa Exit Conference pada 11 September 2013, Wakil JKR memaklumkan kerosakan di Jalan Kok Kelang adalah disebabkan oleh laluan kenderaan berat yang terlibat dengan projek pembinaan pekan baru. Kerosakan jalan di Jalan Lencongan Barat Timah Tasoh adalah disebabkan oleh laluan jentera berat bagi projek meninggikan tebing empangan oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perlis. Manakala, kerosakan jalan di Jalan Kubang Perun adalah disebabkan jalan tersebut merupakan laluan projek pembinaan penempatan semula oleh Bahagian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Pejabat SUK Negeri Perlis. Sekiranya JKR mengenal pasti kerosakan**

disebabkan oleh aktiviti pembinaan, JKR akan mengarahkan pemaju projek berkenaan untuk membaik pulih kerosakan yang berlaku.

Pada pendapat Audit, kurang pemantauan semasa kerja-kerja penyenggaraan telah menjejaskan kualiti penyenggaraan.

1.4.2.5. Perbelanjaan Tidak Mengikut Arahan Amanah

- a. Mengikut Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya, perbelanjaan Akaun Amanah hanya boleh digunakan untuk tujuan berikut:
 - i. Membiayai/menyelaras kos penyenggaraan jalan negeri;
 - ii. Membiayai/menyelaras kos pengurusan aktiviti penyenggaraan jalan negeri seperti bayaran gaji dan pembelian jentera serta peralatan; dan
 - iii. Membiayai/menyelaras kepada sumbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi program penyenggaraan jalan negeri di kawasan yang telah ditetapkan.
- b. Semakan Audit mendapati sejumlah RM1.61 juta atau 6.5% daripada keseluruhan peruntukan yang diterima berjumlah RM24.81 juta telah dibelanjakan oleh JKR untuk perkara yang tidak dibenarkan seperti menyenggara Jalan Persekutuan dan baik pulih Bangunan Pusat Anak Permata Negara. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7

Perbelanjaan Oleh JKR Kerja Raya Yang Tidak Dibenarkan Dengan Menggunakan Peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya Bagi Tempoh Tahun 2010 Hingga 2012

Jenis Perbelanjaan	Tahun			Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	
Penyenggaraan Jalan Persekutuan	1.02	0.44	-	1.46
Penyenggaraan di Blok 1 Bangunan Pusat Anak Permata Negara di Simpang Empat Perlis	0.15	-	-	0.15
Jumlah	1.17	0.44		1.61

Sumber: Baucar Bayaran & Penyata Terimaan Dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya

- c. **Maklum balas semasa Exit Conference pada 11 September 2013, Wakil JKR memaklumkan sebelum tahun 2012, perbelanjaan ke atas penyenggaraan Jalan Persekutuan telah dilakukan menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalanraya kerana mendapat arahan daripada Kerajaan Negeri. Bagaimanapun pada tahun 2012, JKR tidak lagi menggunakan peruntukan tersebut untuk penyenggaraan Jalan Persekutuan. Bagi bayaran**

baik pulih Bangunan Pusat Anak Permata Negara, telah berlaku kesilapan vot peruntukan semasa pembayaran.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan di luar arahan amanah perlu dihentikan bagi memastikan peruntukan kewangan diberi keutamaan terhadap penyenggaraan jalan negeri.

1.4.3. Maklum Balas Pengguna Terhadap Tahap Keselamatan Dan Keselesaan Pemanduan Pengguna Jalanraya

1.4.3.1. Penyenggaraan jalan yang dirancang dan dilaksanakan dengan teratur akan memastikan keselamatan serta keselesaan pengguna jalan negeri. Pihak Audit telah mengedarkan sejumlah 200 borang soal selidik kepada pengguna bagi 10 sampel jalan negeri seperti di **Jadual 1.8**. Daripada jumlah tersebut, hanya sebanyak 116 borang soal selidik diterima kembali oleh pihak Audit.

Jadual 1.8
Sampel Jalan Yang Dipilih Bagi Mendapatkan Maklum Balas Pengguna Terhadap Keselamatan Dan Keselesaan Jalan Negeri

Bil.	Nama Jalan
1.	R1 - Jalan Raja Syed Alwi
2.	R4 - Jalan Tambun Tulang
3.	R5 - Jalan Abi Tok Hashim
4.	R6 - Jalan Pauh
5.	R8 - Jalan Sekolah Derma
6.	R9 - Jalan Mata Ayer - Beseri
7.	R100 - Jalan Behor Temak - Kuala Perlis
8.	R121 - Jalan Padang Melangit Wang Mu
9.	R133 - Jalan Jejawi - Dato' Kayaman
10.	R175 - Jalan Jejawi Tambun Tulang

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.2. Hasil analisis daripada borang soal selidik terhadap tahap kepuasan pengguna jalan negeri dari aspek keselamatan dan keselesaan pemanduan mendapati 60 pengguna atau 52% bersetuju bahawa mereka berasa selamat dan selesa menggunakan jalan tersebut. Baki 56 pengguna atau 48% berasa tidak selamat dan tidak selesa menggunakan jalan tersebut berdasarkan alasan seperti di **Jadual 1.9** dan **Jadual 1.10**.

Jadual 1.9
Sebab Pengguna Berasa Tidak Selamat Menggunakan Jalan Negeri

Bil.	Sebab Berasa Tidak Selamat	Jumlah Pengguna	Peratus (%)
1.	Jalan Sesak / Sempit	15	26.8
2.	Jalan Gelap	1	1.8
3.	Garisan Jalan Yang Mengelirukan	1	1.8
4.	Tiada Laluan Bagi Pejalan Kaki Melintas	2	3.6
5.	Lain-lain	37	66.0
Jumlah		56	100

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 1.10
Sebab Pengguna Berasa Tidak Selesa Menggunakan Jalan Negeri

Bil.	Sebab Berasa Tidak Selesa	Jumlah Pengguna	Peratus (%)
1.	Jalan Rosak / Berlubang	25	44.6
2.	Jalan Sempit	11	19.6
3.	Jalan Sesak	10	17.9
4.	Jalan Gelap	1	1.8
5.	Jalan Dinaiki Air (Banjir) Apabila Hujan	2	3.6
6.	Banyak Lampu Isyarat	4	7.1
7.	Lain-lain	3	5.4
Jumlah		56	100

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.3. Analisis Audit terhadap borang soal selidik yang diterima mendapati tahap kualiti jalan yang terdapat di negeri Perlis adalah pada tahap memuaskan memandangkan hanya 52% pengguna berasa selamat dan selesa menggunakan jalan tersebut manakala 48% pengguna berasa tidak selamat dan tidak selesa apabila menggunakan jalan tersebut. Perkara ini berlaku disebabkan jalan negeri tidak diselenggarakan dengan baik dan secara menyeluruh.

1.4.3.4. **Maklum balas semasa *Exit Conference* pada 11 September 2013, Wakil JKR memaklumkan JKR telah mengeluarkan sebut harga bagi membaiki jalan-jalan yang rosak.**

Pada pendapat Audit, maklum balas pengguna terhadap tahap keselamatan dan keselesaan jalan negeri adalah pada tahap memuaskan.

1.4.4. Pengurusan Aduan Dan Piagam Pelanggan

1.4.4.1. Aduan Pengguna Terhadap Penyelenggaraan Jalan Negeri

- a. Aduan Pengguna perlu diambil tindakan dengan segera bagi memastikan pengguna mendapat perkhidmatan yang sepatutnya. Mengikut Piagam Pelanggan JKR, semua aduan yang diterima berkenaan jalan berlubang dan halangan yang terjadi kepada jalan, akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam dan kes ditutup sepenuhnya dalam tempoh 2 bulan dari tarikh aduan diterima.
- b. Semakan Audit terhadap Daftar Aduan yang diselenggarakan oleh Bahagian Senggara Jalan mendapati sejumlah 66 aduan berkaitan jalan diterima bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012. Butiran aduan yang diterima adalah seperti di **Jadual 1.11**.

Jadual 1.11**Jumlah Aduan Kerosakan Jalan Dan Bilangan Tindakan Yang Telah Diambil Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Bil.	Jenis Aduan Kerosakan Jalan	Jumlah Aduan Diterima	Bil. Telah Diambil Tindakan	Tiada Maklumat Berkaitan Tindakan Yang Diambil	Peratus Telah Diambil Tindakan (%)
1.	Berlubang	29	13	16	44.8
2.	Berlopak	5	1	4	20.0
3.	Mendap	9	5	4	55.6
4.	Lain-lain	23	12	11	52.2
Jumlah		66	31	35	47.0

Sumber : Buku Daftar Aduan JKR

- c. Daripada keseluruhan 262 aduan yang diterima bagi tahun 2010 hingga 2012, 66 aduan adalah berkaitan dengan kerosakan permukaan jalan. Daripada jumlah tersebut, 31 aduan atau 47% telah diambil tindakan sewajarnya manakala 35 aduan atau 53% daripadanya tidak mempunyai maklumat berkaitan tindakan yang telah diambil. Keadaan ini berlaku disebabkan kegagalan JKR menyelenggara rekod aduan dengan lengkap dan kemas kini.

1.4.4.2. Piagam Pelanggan Tidak Dipatuhi

- a. Mengikut Piagam Pelanggan, JKR perlu membaiki lubang di atas turapan jalan atau keadaan yang mengganggu lalu lintas atau keselamatan awam seperti pokok tumbang dan tanah runtuh, dalam tempoh masa tidak melebihi 24 jam setelah aduan diterima / dikenal pasti. Aduan yang diterima akan ditutup dalam tempoh 2 bulan.
- b. Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012, JKR telah menerima sejumlah 29 aduan berkaitan jalan berlubang manakala 16 aduan bagi pokok tumbang. Bagi aduan jalan berlubang, 6 aduan atau 20.7% telah diselesaikan oleh JKR dalam tempoh 24 jam manakala 6 aduan atau 20.7% diselesaikan melebihi tempoh 24 jam. Kelewatan tersebut melibatkan tempoh antara 1 hingga 12 hari. Tiada sebarang catatan dibuat bagi kelewatan tersebut. Selebihnya, 17 aduan atau 58.6% pula tidak mempunyai maklumat berkaitan tindakan yang diambil. Bagi aduan pokok tumbang, 11 aduan atau 68.8% telah diselesaikan dalam tempoh 24 jam, 1 aduan atau 6.2% diselesaikan dalam tempoh 2 hari manakala 4 aduan atau 25% tidak mempunyai maklumat berkaitan tindakan yang diambil. Penutupan aduan juga tidak dibuat oleh JKR. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 1.12**.

Jadual 1.12**Tempoh Masa Diambil Terhadap Aduan Berkaitan Jalan Negeri Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Jenis Aduan	Tempoh Tindakan Diambil			Jumlah
	≤ 24 jam	≥ 24 jam	Tiada Maklumat	
Jalan Berlubang	6	6	17	29
Pokok Tumbang	11	1	4	16

Sumber: Daftar Aduan JKR Kerja Raya Negeri Perlis

- c. Tindakan segera tidak diambil oleh JKR terhadap aduan yang diterima antaranya disebabkan kerosakan jentera seperti *skylift* dan lori. Akibatnya, pengguna jalan menghadapi risiko kemalangan sekiranya tindakan pembaikan tidak diambil dengan segera.
- d. **Maklum balas semasa *Exit Conference* pada 11 September 2013, Wakil JKR memaklumkan JKR akan memastikan setiap aduan diambil tindakan seperti yang dinyatakan oleh Piagam Pelanggan dan rekod aduan akan dikemaskinikan.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aduan dan pematuhan kepada Piagam Pelanggan adalah tidak memuaskan kerana rekod yang tidak kemas kini selain tindakan yang lewat diambil oleh JKR.

1.5. Bagi memastikan penyenggaraan jalan negeri dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan, berikut adalah syor Audit untuk tindakan Pejabat Perbendaharaan Negeri Perlis dan Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis:

1.5.1. Menyalurkan jumlah peruntukan penyenggaraan yang lebih besar kepada JKR setiap tahun.

1.5.2. Memastikan penyenggaraan jalan dapat dilaksanakan dengan lebih meluas dan berkesan. Pihak JKR menyediakan perancangan penyenggaraan yang rapi dan membelanjakan kesemua peruntukan yang diberi dengan cekap berdasarkan perancangan yang telah dibuat.

1.5.3. Bertindak segera terhadap penyenggaraan biasa bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna. Unit Rondaan perlu membuat laporan dan direkodkan agar tindakan pembaikan segera dapat diambil.

1.5.4. Menyelenggara Rekod Penyenggaraan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan perancangan penyenggaraan berkala dibuat.

1.5.5. Pemantauan hendaklah dilaksanakan dengan berkesan bagi menjamin kualiti kerja penyenggaraan jalan serta pematuhan kepada spesifikasi kerja.

1.5.6. Perbelanjaan hendaklah berpandukan arahan amanah agar kerja yang dilaksanakan tidak tersasar dari objektif asal peruntukan diberi.

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

2. PROJEK PEMBINAAN PASAR ARAU

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Majlis Perbandaran Kangar (Majlis) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembinaan Pasar Arau bagi menggantikan pasar sedia ada dengan menggunakan peruntukan kewangan yang diterima daripada Kerajaan Negeri. Projek ini melibatkan kerja membina dan menyiapkan sebuah pasar baru yang mengandungi 2 blok bangunan iaitu pasar basah dan pasar kering, sebuah pencawang elektrik, loji rawatan kumbahan (STP) dan sebuah bilik sejuk beku serta peralatannya yang keseluruhannya berjumlah RM6.14 juta.

2.1.2. Majlis telah melantik Arkitek Nor Azman sebagai Juruperunding manakala kerja pembinaan diberikan kepada NFS Nada Holding (M) Sdn. Bhd. (Kontraktor). Pembinaan STP diberikan kepada Syarikat Goodwater Engineering Sdn. Bhd. manakala bilik sejuk beku kepada Syarikat Freezing Point Refrigeration Engineering Sdn. Bhd.. Tarikh milik tapak bina ialah pada 20 Julai 2011 dan kerja pembinaan perlu disiapkan dalam tempoh 72 minggu iaitu pada 5 Disember 2012.

2.1.3. Kontraktor didapati tidak dapat menyiapkan kerja pembinaan dalam tempoh masa yang dipersetujui. Tambahan masa telah diberikan selama 121 hari dan tamat pada 7 April 2013 manakala Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja telah dikeluarkan pada 8 April 2013. Sehingga bulan Jun 2013, sejumlah RM4.86 juta telah dibayar kepada Kontraktor dengan kemajuan kerja pada kadar 73% siap.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Pasar Arau telah dilaksanakan dengan cekap dan dipantau dengan berkesan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pada tahun 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod yang berkaitan, temu bual dengan pegawai dan lawatan ke tapak projek.

2.4. PENEMUAN AUDIT

2.4.1. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga bulan Julai 2013 mendapati pada keseluruhannya pembinaan Projek Pasar Arau oleh Majlis adalah memuaskan. Bagaimanapun prestasi pelaksanaan projek oleh Kontraktor adalah tidak memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Projek lewat disiapkan.
- Loji rawatan kumbahan (STP) lewat disiapkan.
- Laporan kecacatan/ketidakpatuhan (NCR) belum diperbaiki.
- Tahap keselamatan tidak memuaskan dan kawalan keselamatan di tapak tidak disediakan.

2.4.2. Projek Pembinaan Lewat Disiapkan

2.4.2.1. Mengikut perjanjian, projek hendaklah disiapkan sebelum atau pada 5 Disember 2012. Tarikh milik tapak bina ialah pada 20 Julai 2011 dengan tempoh masa pembinaan selama 72 minggu.

2.4.2.2. Semakan Audit mendapati Kontraktor telah menandatangani Surat Setuju Terima pada 18 Julai 2011 dan tarikh milik tapak bina adalah pada 20 Julai 2011. Kontraktor didapati gagal menyiapkan kerja pembinaan mengikut tempoh ditetapkan. Lanjutan Masa Pertama telah diluluskan dan Kontraktor dikehendaki menyiapkan kerja pembinaan sebelum atau pada 7 April 2013. Bagaimanapun, Kontraktor masih lagi gagal menyiapkan kerja pembinaan pada masa ditetapkan. Kontraktor telah memohon Lanjutan Masa Ke-2 pada 19 Jun 2013 dan masih belum diluluskan oleh Majlis. Pada 8 April 2013, Majlis telah mengeluarkan Sijil Perakuan Tidak Siap Kerja kepada Kontraktor. Sehingga 31 Julai 2013, denda yang ditanggung oleh Kontraktor disebabkan kelewatan menyiapkan pembinaan berjumlah RM112,374 iaitu pada kadar RM984.94 sehari. Sehingga bulan Jun 2013, kemajuan kerja adalah pada kadar 73% siap.

2.4.2.3. Semakan Audit mendapati Kontraktor tidak melepasi penilaian tender peringkat kedua kerana tidak mempunyai kakitangan teknikal, pengalaman kerja yang sangat rendah dan keupayaan teknikal loji dan peralatan pada tahap 68%. Bagaimanapun, Kontraktor dipilih oleh Lembaga Tender adalah atas dasar harga kontrak yang rendah. Antara punca utama Kontraktor gagal menyiapkan kerja pembinaan dalam tempoh masa ditetapkan adalah kerana bilangan pekerja pembinaan yang tidak mencukupi. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat tapak mendapati kelemahan pengurusan tapak dan penyeliaan sub kontraktor oleh Kontraktor sering dibangkitkan dan menjadi antara punca kelewatan projek. Kegagalan Kontraktor menyiapkan kerja pembinaan dalam tempoh masa ditetapkan menyebabkan projek lambat dimanfaatkan oleh pengguna.

2.4.2.4. Dalam maklum balas bertariikh 24 September 2013, pihak Majlis memaklumkan bahawa pihak kontraktor telah memohon lanjutan masa kontrak pada 19 Jun 2013 dan telah diluluskan. Pihak kontraktor perlu menyiapkan projek sebelum atau pada 30 September 2013.

2.4.3. Loji Rawatan Kumbahan (STP) Lewat Disiapkan

2.4.3.1. Mengikut Dokumen Kontrak, STP hendaklah siap dibina pada atau sebelum 15 Februari 2013. Syarikat Goodwater Engineering Sdn. Bhd. (SGE) bertanggungjawab membina STP dengan kos berjumlah RM418,000. Surat Setuju Terima diterima pada 8 Ogos 2012, tarikh milik tapak pada 14 Ogos 2012 dan tempoh siap kerja selama 6 bulan berakhir pada 15 Februari 2013. Lawatan Audit pada 22 Julai 2013 mendapati STP masih belum siap dibina. Sehingga bulan Jun 2013, kemajuan kerja adalah pada kadar 90% siap. SGE juga masih belum memohon Lanjutan Masa bagi menyiapkan kerja pembinaan tersebut. STP yang masih belum siap dibina adalah seperti di **Gambar 2.1**.



Gambar 2.1
Loji Rawatan Kumbahan Yang Belum Siap Dibina

Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pasar Baru Arau
Tarikh : 22 Julai 2013

2.4.3.2. STP lewat disiapkan kerana kelewatan mendapatkan kelulusan merancang daripada Indah Water Konsortium (IWK). Di samping itu pihak kontraktor juga memohon pengecualian peruntukan *Sludge Drying Bed* dan *Brickwall Fencing* dan telah diluluskan oleh IWK. Sehubungan itu kontraktor telah menerima kelulusan reka bentuk baru pada 2 Januari 2013. Kontraktor telah diberi lanjutan masa sehingga 30 September 2013. STP telah disiapkan pada 29 Ogos 2013. Kelewatan kelulusan telah menyebabkan keseluruhan projek lewat disiapkan dan dimanfaatkan oleh pengguna.

Pada pendapat Audit kelewatan kontraktor menyiapkan kerja menyebabkan infrastruktur yang dibina lewat dimanfaatkan oleh pengguna.

2.4.4. Kualiti Pembinaan Tidak Memuaskan

2.4.4.1. Laporan Kecacatan/Ketidakpatuhan (NCR) Belum Diperbaiki

- a. Kontraktor hendaklah melaksanakan projek pembinaan Pasar Arau dengan mengikut amalan umum kerja pembinaan dan mematuhi spesifikasi pembinaan yang ditetapkan dalam dokumen kontrak. Kecacatan dan ketidakpatuhan dalam kerja pembinaan yang dibangkitkan oleh Juru perunding hendaklah diambil tindakan sewajarnya dengan segera.
- b. Semakan Audit mendapati sepanjang tempoh pembinaan, Juru perunding telah mengeluarkan sejumlah 63 Laporan Ketidakpatuhan (NCR) kepada Kontraktor. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 9 NCR masih belum diambil tindakan oleh Kontraktor seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Senarai NCR Yang Masih Belum Ditutup

Bil.	No. NCR	Tarikh NCR Dikeluarkan	Keterangan
1.	17	23.07.2012	Tiang TNB masih belum diubah seperti Gambar 2.2 .
2.	19	07.08.2012	Saluran paip pembuangan lebih tinggi daripada <i>level finishing apron</i> seperti Gambar 2.3 .
3.	22	17.10.2012	Tidak memasang <i>pipe sleeve</i> (100mm G.I Pipe) pada lintasan jalan.
4.	26	25.11.2012	Kerja-kerja pemasangan rangka bumbung dilakukan tanpa mengemukakan <i>shop drawing</i> yang disahkan.
5.	35	27.12.2012	Dinding bata yang melebihi 6 meter panjang perlu ada <i>stiffener</i> di tandas perempuan seperti Gambar 2.4 .
6.	36	27.12.2012	Dinding bata yang melebihi 6 meter panjang perlu ada <i>stiffener</i> di surau perempuan seperti Gambar 2.4 .
7.	59	01.04.2013	Dinding bata bahagian luar surau perempuan tidak terdapat <i>aluminium groove line</i> seperti Gambar 2.5 .
8.	61	03.05.2013	<i>Trunking</i> tidak mempunyai jarak antara dinding bata dan <i>trusses</i> seperti Gambar 2.6 .
9.	62	27.05.2013	Penyangga paip <i>sanitary</i> tidak mengikut spesifikasi seperti Gambar 2.7 .

Sumber: Majlis Perbandaran Kangar

- c. **Dalam maklum balas bertarikh 24 September 2013, pihak Majlis memaklumkan bahawa pihak kontraktor telah berusaha untuk mengikut amalan umum kerja pembinaan dan mematuhi spesifikasi pembinaan. Sehingga 22 Ogos 2013 hanya 2 NCR belum di ditutup iaitu NCR 22 dan NCR 62 kerana ia masih dalam proses pembaikan. Kecacatan struktur dan kemas yang dibangkitkan juga telah diambil tindakan segera oleh pihak kontraktor. Mengenai lebar lorong laluan A dan laluan B pula, pihak Majlis memaklumkan bahawa walaupun ukuran berbeza dengan lukisan pemasangan, ia masih menepati amalan arkitek dan keperluan pihak bomba di mana keselesaan pengguna tidak terjejas. Bagaimanapun, pihak ukur bahan akan menilai semula perbezaan tersebut dan pembayaran kepada kontraktor akan diselaraskan.**

Gambar 2.2
Tiang TNB Masih Belum Diubah



Sumber : Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Pasar Baru Arau
 Tarikh : 22 Julai 2013

Gambar 2.3
Saluran Pipe Pembuangan Lebih Tinggi Daripada Level Finishing Apron



Sumber : Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Pasar Baru Arau
 Tarikh : 22 Julai 2013

Gambar 2.4
Dinding Bata Melebihi 6 Meter Lebar Tidak Dibina Tiang (Stiffener)




Sumber : Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Pasar Baru Arau
 Tarikh : 2 Mei 2013

Gambar 2.5
Dinding Bata Bahagian Luar Tidak Dibina Aluminium Groove Line




Sumber : Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Pasar Baru Arau
 Tarikh : 2 Mei 2013

Gambar 2.6
Trunking Tidak Mempunyai Jarak Antara Dinding Bata Dan Trusses



Sumber : Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Pasar Baru Arau
 Tarikh : 2 Mei 2013

Gambar 2.7
Penyangga Paip Sanitary Tidak Mengikut Spesifikasi Pembinaan



Sumber : Jabatan Audit Negara
 Lokasi : Pasar Baru Arau
 Tarikh : 2 Mei 2013

2.4.4.2. Kerja Kemasan Tidak Memuaskan

- a. Lawatan Audit pada 22 Julai 2013 mendapati beberapa kecacatan pada struktur binaan dan kemasan kerja yang tidak memuaskan seperti di **Gambar 2.8** hingga **Gambar 2.17** masih belum dikeluarkan NCR oleh Juru perunding kepada Kontraktor.

Gambar 2.8
Binaan Tangga Tidak Kemas



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pasar Baru Arau
Tarikh : 22 Julai 2013

Gambar 2.9
Bumbung Atas *Walkway* Tidak Dibuat Lepaan Simen Sepenuhnya




Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pasar Baru Arau
Tarikh : 22 Julai 2013

Gambar 2.10
Terdapat Sisa *Formwork* Pada Siling *Walkway*



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pasar Baru Arau
Tarikh : 22 Julai 2013

Gambar 2.11
Lubang Alur Keluar Kabel Elektrik Tidak Ditampal



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Pasar Baru Arau
Tarikh : 22 Julai 2013

Gambar 2.12
Bumbung Pasar Basah Tidak Kemas Dan Beralun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 22 Julai 2013

Gambar 2.13
Kerja Kemas Lekaan Pada Bumbung Laluan Dari Pasar Kering Ke Pasar Basah Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 22 Julai 2013

Gambar 2.14
Paip Dipasang Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 22 Julai 2013



Gambar 2.15
Jeriji Besi Tingkap Berkarat




Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 22 Julai 2013

Gambar 2.16
Dinding Bilik Bomba Tingkat Satu Pasar Kering Tidak Dibuat Lekaan Simen Sepenuhnya



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 22 Julai 2013



Gambar 2.17
Lepaan Simen Di Bahagian Tangga Tidak Kemas

Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pasar Baru Arau
 Tarikh: 22 Julai 2013

- b. Pemeriksaan Audit juga mendapati lebar lorong laluan antara gerai di pasar basah tidak mengikut lukisan. Mengikut lukisan, lebar lorong Laluan A hendaklah 1500 mm manakala Laluan B pada 2550 mm manakala yang dibina adalah 1260 mm dan 2230 mm adalah seperti di **Gambar 2.18** dan **Gambar 2.19**.

Gambar 2.18
Lorong Laluan A Pasar Basah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pasar Baru Arau
 Tarikh: 30 Julai 2013

Gambar 2.19
Lorong Laluan B Pasar Basah



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Pasar Baru Arau
 Tarikh: 2 Mei 2013

- c. **Dalam maklum balas bertariikh 24 Disember 2013**, pihak Majlis memaklumkan bahawa mengikut amalan arkitek, lebar laluan awam yang selesa di pasar adalah 2000 mm. Mengikut perbincangan dengan semua pihak, sekiranya terdapat kekurangan penggunaan bahan dalam proses pembinaan laluan ini, pihak juruukur bahan akan menilai semula perbezaan jumlah perbelanjaan bagi proses pembinaan dan akan ditolak daripada bayaran kepada kontraktor.

Pada pendapat Audit, kegagalan kontraktor memperbaiki kecacatan menjejaskan kualiti kerja binaan.

2.4.5. Aspek Keselamatan Dan Kawalan Keselamatan Di Tapak Tidak Disediakan

2.4.5.1. Kebakaran Bilik Sejuk Beku

- a. Mengikut Syarat Kontrak, Kontraktor hendaklah memastikan keselamatan kawasan tapak bina terjamin dengan menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan sepanjang masa. Selain itu aspek keselamatan dan kesihatan pekerja juga perlu diutamakan.
- b. Pemeriksaan Audit mendapati Kontraktor tidak menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan untuk menjaga keselamatan kawasan tapak pembinaan. Kegagalan menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan telah menyebabkan berlaku kebakaran terhadap peralatan dalam bilik sejuk beku akibat perbuatan khianat. Mesin sejuk beku yang terbakar dan telah rosak adalah seperti di **Gambar 2.20**. Kerosakan yang berlaku telah menyebabkan projek lewat diserahkan kepada Kerajaan untuk digunakan oleh pengguna.



Gambar 2.20
Bilik Sejuk Beku Yang Terbakar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 22 Julai 2013

- c. Semasa lawatan Audit pada 27 Mac 2013 dan 2 Mei 2013 mendapati pekerja tidak mengenakan peralatan keselamatan yang bersesuaian. Keadaan tersebut adalah seperti di **Gambar 2.21** dan **Gambar 2.22**.

Gambar 2.21
Pekerja Tidak Memakai Pakaian Yang Bersesuaian Dan Topi Keselamatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 27 Mac 2013

Gambar 2.22



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pasar Baru Arau
Tarikh: 2 Mei 2013

- d. **Dalam maklum balas bertarikh 24 September 2013, pihak Majlis memaklumkan bahawa pihak kontraktor telah berusaha untuk memastikan keselamatan kawasan tapak bina. Pihak kontraktor akan menggantikan peralatan yang rosak.**

2.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan membolehkan objektif pembinaan Pasar Arau dicapai, adalah disyorkan supaya Majlis dan Perunding mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

2.5.1. Pengurusan dan pemilihan kontraktor hendaklah mengikut Garis Panduan.

2.5.2. Perunding selaku Wakil Pegawai Penguasa perlu meningkatkan pemantauan berkesan bagi memastikan kontraktor melaksanakan kerja dengan mematuhi sepenuhnya spesifikasi yang ditetapkan.

2.5.3. Memastikan kontraktor mematuhi peraturan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembedulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembedulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembedulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

26 September 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my